

Menyentuh mengenai bentuk kompleks Pusat Islam ianya dibuat secara mendatar (horizontal) dan dihiasi dengan tiang-tiang roman serta pintu gerbang di bahagian tengah dan hadapan kompleks.

Terdapat juga beberapa pecahan gerbang yang berbentuk menegak dan meninggi (vertical) dan susun atur setiap ruang di dalam kompleks ini dibina mengelilingi riwak.

Warna putih yang melatari kompleks ini pula melambangkan kesucian, keikhlasan, kebersihan dan kebenaran serta keyakinan.

Warna ini juga melambangkan nilai-nilai murni yang sentiasa diamalkan oleh warga Pusat Islam setiap masa selain perlambangan terhadap sifat-sifat semula jadi yakni fitrah.

Antara kemudahan yang ada di kompleks ini ialah pejabat pentadbiran seluas 405.40 meter persegi meliputi pejabat pengarah, bilik pegawai, pejabat am dan setor.

Selain itu, terdapat kemudahan dewan seminar seluas 337 meter persegi yang boleh memuatkan 250 orang pada satu-satu masa dan lima bilik kuliah untuk program kelas pengajian yang memuatkan 30 orang bagi setiap bilik.

Selaras dengan zaman celik IT, sebuah makmal komputer turut disediakan untuk kegunaan kakitangan dan pelajar di ruang legar seluas 155.40 meter persegi.

Selain daripada itu Kompleks Pusat Islam juga dilengkapi dewan makan yang boleh memuatkan hampir 200 orang selain kafeteria bagi memudahkan masyarakat kampus yang berurusan dengan Pusat Islam UUM untuk menjamu selera.

Manakala ruang galeri turut dibina berhampiran pintu masuk utama dengan tujuan untuk menyimpan dan mempamerkan bahan-bahan atau artifak yang melambangkan syiar Islam dan juga sejarah Pusat Islam sendiri.

Pusat Islam ini mempunyai 20 orang kakitangan yang terdiri daripada Pengarah, empat Pegawai Hal Ehwal Islam dan kakitangan sokongan serta dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Pentadbiran dan Kewangan; Pengurusan Masjid, Dakwah dan Kebajikan yang meliputi masjid Sultan Badlishah dan Masjid Imam As-Syafie dan Bahagian Modal Insan yang meliputi Unit Majlis Rasmi dan Aktiviti, Unit Latihan dan Pendidikan serta Unit Penyelidikan, Penerbitan dan Perundingan.

Matlamat dan visi Pusat Islam ialah untuk menjadi pusat rujukan dan pengurusan hal ehwal Islam di UUM khasnya dan wilayah utara amnya melalui tiga objektif atau misi utama iaitu sebagai pusat rujukan dan perundingan hal ehwal Islam; melaksanakan dakwah, syiar dan syariat Islam dalam kalangan warga kampus; dan menyediakan pendidikan dan pembelajaran yang berterusan bukan sahaja kepada pelajar, malah kepada kakitangan UUM dan masyarakat sekitar yang beragama Islam di Wilayah Utara.

Pusat Islam UUM juga berusaha menjalin hubungan dengan pelbagai agensi dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) Islam yang ada seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan PERKIM dalam usaha membangunkan modal insan.

Majlis terbuka puasa dan penyampaian lhya Ramadan turut diadakan sempena majlis perasmian Kompleks Pusat Islam itu petang tadi.

Habis.

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my